

23 NOV 1999

Mahathir-Ekonomi

EKONOMI MALAYSIA LEBIH STABIL PADA MASA DEPAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 23 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ekonomi Malaysia dijangka lebih stabil pada masa depan dan tidak mungkin "menghadapi kesukaran seperti kita alami dari 1997 hingga 1998."

Bercakap pada satu persidangan berita bersama-sama dengan Perdana Menteri China Zhu Rongji, selepas mereka memeterai satu perjanjian bagi meningkatkan hubungan dua hala, Dr Mahathir berkata kebanyakan negara di rantau ini telah pulih dari kegawatan ekonomi.

"Kadar pertumbuhan mereka pada tahun depan dijangka lebih tinggi berbanding pertumbuhan tahun ini," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata pertumbuhan mereka tidak akan mencapai tahap yang sama sebelum krisis ekonomi itu.

Beliau berkata negara-negara berkenaan perlu mengambil sedikit masa untuk mencapai peringkat pertumbuhan yang sama, yang pernah dinikmati sebelum krisis ekonomi melanda.

"Sebaliknya, kita perlu berhati-hati kerana kuasa yang memaksa ekonomi kita runtuh pada 1997 masih berkeliaran di luar sana dan mereka mungkin akan melancar serangan sekali lagi," tegas beliau.

Dalam hal Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Kami telah melindungi matawang kami yang tidak lagi tertakluk kepada manipulasi oleh spekulator asing."

Sementara itu, Zhu berkata ketika lawatan Dr Mahathir ke China pada Ogos tahun lalu, beliau mengusulkan banyak cadangan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan dua hala.

"Hari ini, kita telahpun memeterai beberapa dokumen dan lebih banyak lagi masih dalam peringkat perancangan. Pada masa depan, saya pasti kami akan meneruskan momentum pembangunan yang menggalakkan ini dalam hubungan perdagangan dan ekonomi serta kerjasama politik dan juga dalam forum antarabangsa," kata beliau.

Zhu berkata sepanjang krisis kewangan serantau, rakyat Malaysia bersatu padu menggembleng tenaga untuk mengatasi kesukaran mereka.

Sambil memuji Malaysia kerana berjaya memulihkan ekonominya dengan pantas, Zhu berkata, "Saya ingin mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia di atas kejayaan yang telah dicapai."

Apabila ditanya mengenai Dana Kewangan Asia Timur yang diilhamkan oleh Dr Mahathir, beliau berkata China menyokong sepenuhnya idea itu.

"Bagaimanapun, keputusan muktamad masih bergantung kepada perbincangan terperinci dan pertukaran pendapat di kalangan pihak-pihak yang berkenaan," katanya.

Sementara itu, ketika memberi taklimat kepada pihak media kemudian, Menteri Luar Datuk Syed Hamid berkata Malaysia meminta lebih banyak hak mendarat di China terutama ke Kunming kerana negara ini akan membuka sebuah pejabat konsulat di Shanghai serta di Kunming pada awal tahun depan.

Beliau berkata China juga berminat untuk melabur dalam beberapa projek di Malaysia seperti sektor jalan kereta api dan loji kuasa.

China akan menggalakkan industri berteknologi tingginya untuk menyertai Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Hubungan perdagangan dengan China berkembang pesat kebanyakannya menerusi negara ketiga, kami mahu lebih banyak perdagangan langsung," katanya.

Malaysia juga meninjau peluang pelaburan di China seperti projek sistem

monorel.

Bagi perjanjian perbankan yang akan membuka laluan kepada pembukaan cawangan bank-bank antara kedua-dua negara, Syed Hamid berkata Bank Negara dan People's Bank of China akan membincangkan butir-butir terperinci mengenai perkara itu.

"Tujuannya adalah untuk menggalakkan kerjasama kewangan yang lebih besar antara kedua-dua negara dan butiran terperinci akan diumumkan kelak oleh pihak berkuasa berkaitan.

"Saya rasa ia adalah satu daripada perkara-perkara yang pasti akan berlaku," katanya.

Syed Hamid berkata Malaysia juga akan cuba memudahkan urusan kedatangan pelancong China ke Malaysia, sebagai contoh, dengan memberikan visa bagi tempoh yang lebih lama.

Bagi pihak China pula, beliau berharap negara itu akan lebih fleksibel dalam urusan visa keluar kerana rakyatnya, seperti rakyat Malaysia, boleh melawat China tanpa perlu sebarang visa keluar.

"China bersetuju dengan semua permintaan untuk menggalakkan pergerakan bebas rakyat kedua-dua negara," katanya.

-- BERNAMA

GM ZK MA NAK